



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

26 Jun 2015 / 9 Ramadan 1436

Kepentingan Membangun Sokongan Antara Keluarga

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الْفُرْقَانَ وَ أَيْدِ النَّاسِ بِالْحِكْمَةِ وَ الْبَيَانَ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهِدَ لِنَفْسِهِ
الْوَحْدَانِيَّةَ وَ الْإِحْسَانَ وَ شَهِدَ بِهِمَا مَلَائِكَتُهُ وَ الثَّقَلَانِ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَ الرِّضْوَانِ ،
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَ عَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ
تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Diberkati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita pada Allah s.w.t. Marilah kita beristiqamah dalam melaksanakan apa yang diperintahkan dan meninggalkan apa jua yang terlarang. Semoga di dalam bulan Ramadan yang penuh rahmah dan maghfirah ini, kita dapat melentur jiwa-jiwa kita agar beriman dengan sebenar-benar keimanan kepada Allah s.w.t. dan berlaku ihsan terhadap keluarga dan masyarakat.

Hadirin yang dimuliakan,

Bulan Ramadan sememangnya menjanjikan banyak peluang untuk meningkatkan tahap keagamaan diri dan meraih pahala dan keredhaan Allah s.w.t. Pada minggu yang lalu kita telah diingatkan agar mengambil peluang di Ramadan ini untuk terus memperkukuhkan hubungan sesama keluarga. Ini adalah kerana keluargalah tempat utama seseorang boleh mendapatkan kekuatan dan sokongan kerohanian, emosi serta membangunkan nilai-nilai akhlak yang indah. Keluarga juga boleh menjadi tempat rujukan di dalam mengatasi pelbagai masalah. Perkara ini dapat kita perhatikan di dalam keluarga para Anbiya'.

Sebagai contoh pengajaran yang boleh kita raih dari kisah Nabi Musa a.s. dengan saudaranya Nabi Harun a.s. Bagaimana tatkala Nabi Musa a.s. diperintahkan oleh Allah s.w.t. untuk berdialog dengan Firaun yang merupakan raja yang dikenali sebagai sangat berkuasa dan zalim, pada saat itu Nabi Musa a.s. berdoa kepada Allah lalu meminta diberi bantuan dan sokongan. Allah s.w.t. berfirman dalam surah Taha ayat 25-38:

قَالَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي ﴿٢٥﴾ وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي ﴿٢٦﴾
وَأَحْلِلْ عُقْدَةَ مِنِّ لِسَانِي ﴿٢٧﴾ يَفْقَهُوا قَوْلِي ﴿٢٨﴾ وَأَجْعَلْ

لِي وَزِيْرًا مِّنْ أَهْلِى ﴿٢١﴾ هَرُونَ أَخِي ﴿٢٢﴾ أَشَدُّدَ بِيْءَ أَرْزِيْ
﴿٢٣﴾ وَأَشْرِكُهُ فِيْ أَمْرِيْ ﴿٢٤﴾

Yang bermaksud: “Nabi Musa berdoa dengan berkata: Wahai Tuhanku, lapangkanlah bagiku, dadaku; Dan mudahkanlah bagiku, tugasku; Dan lepaskanlah simpulan dari lidahku, Supaya mereka faham perkataanku; Dan jadikanlah bagiku, seorang penyokong dari keluargaku. Iaitu Harun saudaraku; Kuatkanlah dengan sokongannya, pendirianku, Dan jadikanlah dia turut campur bertanggungjawab dalam urusanku”.

Hadirin yang dikasihi,

Lihatlah bagaimana Nabi Musa a.s. mengharap kepada saudaranya Nabi Harun a.s. untuk menyokong dan membantu beliau melaksanakan tugas yang amat berat itu. Alangkah indahnya jika kita dapat membina ikatan kekeluargaan yang sebegitu rapat dan utuh, supaya ahli keluarga kita dapat menjadi sumber motivasi dan inspirasi kepada masing-masing, dan bukan sebaliknya.

Bahkan sekiranya kita mengkaji dan meneliti keluarga para Anbiya' kita akan mendapati bahawa ciri yang sama dimiliki oleh ahli keluarga mereka. Sebagai contoh, hubungan antara Nabi Yakub a.s. dan anaknya Nabi Yusuf a.s. Sehingga menyebabkan anaknya Nabi Yusuf a.s. lebih terbuka untuk menceritakan kegelisahan hatinya terhadap mimpi yang

dialaminya. Bahkan bagaimana hubungan keakraban antara keluarga Saidina Rasul s.a.w. Samada antara Nabi dengan isteri-isterinya, bahkan antara Nabi s.a.w. dengan mertuanya.

Semua ini seharusnya menjadi sumber inspirasi kepada semua bapa-bapa di sini agar dapat menjalin hubungan yang akrab dengan anak-anak kita, khususnya yang sedang melalui usia remaja kerana mereka banyak menghadapi perubahan pada peringkat usia tersebut. Melalui keakraban yang dijalin, anak-anak kita dapat melihat kita sebagai tempat mereka berkongsi masalah, dan meminta nasihat dan bantuan jika mereka menghadapi masalah. Dengan yang demikian kita dapat memenuhi keperluan emosi mereka, dan menjalankan tanggungjawab kita memastikan mereka mendapat panduan dan sumber rujukan yang sesuai.

Saudaraku,

Nilai-nilai saling sokong menyokong ke arah pembaikan, bersangka baik dan berkeyakinan terhadap potensi kebaikan setiap ahli keluarga merupakan antara ciri-ciri yang penting di dalam menghadapi cabaran berkeluarga. Semestinya setiap keluarga pasti akan mempunyai masalah yang diakibatkan kelemahan kita masing-masing. Namun hakikat yang menyedihkan adalah apabila kita lebih sedia untuk berkongsi perasaan dan kesedihan dengan teman daripada keluarga. Bahkan kita merasa segan untuk berkongsi masalah dengan keluarga. Bagaimanakah kita dapat memperbaiki keadaan ini?

Di sinilah setiap daripada ahli keluarga perlu sanggup berusaha untuk memulakan komunikasi yang mungkin telah terjejas akibat kesibukan masing-masing dengan pekerjaan dan pembelajaran. Ibu bapa seharusnya menjadi penggalak budaya berkongsi cabaran serta perkembangan hidup. Jika kita tidak biasa melakukan demikian secara bertentang mata, maka boleh kita gunakan wadah sosial yang pelbagai untuk melahirkan perasaan kita. Ibu bapa harus lebih meluahkan perasaan kasih sayang kepada anak-anak. Dengan demikianlah baru mereka merasakan lebih mesra dan melihat anda sebagai bukan sahaja seorang penegak disiplin tetapi juga lebih penting seorang yang menyayangi mereka.

Semoga dalam usaha kita mengejar setiap kelebihan di dalam bulan Ramadan ini, kita dapat berkongsi keindahan tersebut dengan ahli keluarga kita, sekaligus membina keluarga yang penyayang dan harmoni, yang taat kepada Allah s.w.t. Mudah-mudahan di dalam bulan di mana terkabulnya doa-doa kita, Allah mengkabulkan harapan setiap hati, Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.